



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 26

23hb Disember 2010

*TAMBAHAN No. 4
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 62 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis:

The following Enactment, passed by the Perlis State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Ruler, is published pursuant to Clause (3) of Article 62 of the Laws of the Constitution of Perlis:


No.

Tajuk Ringkas/Short Title

Enakmen 16

Enakmen Yayasan Perlis 2010

Perlis Foundation Enactment 2010



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 16

ENAKMEN YAYASAN PERLIS 2010

Tarikh Persetujuan DiRaja ... 6 Disember 2010

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 23 Disember 2010

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 16

ENAKMEN YAYASAN PERLIS 2010

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja Perlis

29 Zulhijah 1431
6 Disember 2010

Suatu Enakmen bagi menubuhkan sebuah Yayasan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi, kebajikan, pelajaran, sukan, kebudayaan dan lain-lain kemudahan dalam Negeri Perlis, menubuhkan sebuah Kumpulan Wang, melantik ahli-ahli Yayasan bagi menjalankan tujuan-tujuan Yayasan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Yayasan Perlis 2010.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Negeri Perlis;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Yayasan Perlis yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“Negeri” ertinya Negeri Perlis;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Yayasan;

“Pengurus Besar” ertinya Pengurus Besar yang dilantik di bawah seksyen 9;

“Yayasan” ertinya Yayasan Perlis.

Penubuhan dan tujuan-tujuan Yayasan

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Yayasan Perlis” ditubuhkan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(2) Yayasan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(3) Tujuan-tujuan ditubuhkan Yayasan itu ialah:

- (a) membantu Kerajaan dalam usaha-usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan kebajikan golongan tertentu rakyat di seluruh Negeri;
- (b) menggalakkan dengan giatnya kemajuan untuk membaiki peluang mendapat pelajaran di kalangan sekalian rakyat Negeri dan warganegara Malaysia yang biasa menetap di dalam Negeri;

- (c) memberi atau menguruskan pemberian-pemberian, biasiswa-biasiswa atau pinjaman-pinjaman atau lain-lain bantuan sama ada kewangan atau pelajaran untuk rakyat Negeri atau mana-mana warganegara Malaysia yang biasa menetap di dalam Negeri;
- (d) meluaskan bidang kemudahan-kemudahan dan kesempatan-kesempatan pelajaran bagi rakyat-rakyat Negeri dan warganegara-warganegara Malaysia yang biasa menetap di dalam Negeri di mana-mana institusi pengajian tinggi di serata dunia, tetapi khasnya di institusi-institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan di Malaysia;
- (e) menaja dan menggalakkan bagi mengadakan di dalam Negeri, kemudahan-kemudahan pengajian tinggi oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan atau oleh mana-mana institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan di Malaysia;
- (f) memberi dan menguruskan bagi membuat pemberian biasiswa-biasiswa, pinjaman-pinjaman atau lain-lain bantuan sama ada berupa kewangan atau pengajian tinggi oleh lain-lain badan untuk rakyat-rakyat Negeri atau mana-mana warganegara Malaysia yang biasanya menetap di dalam Negeri;
- (g) memberi, memperbaiki dan mendapatkan kemudahan-kemudahan yang tertentu untuk rakyat Negeri di mana-mana institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri dan Malaysia;
- (h) memberi pertolongan dan bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan dan institusi-institusi yang ditubuhkan dan ditadbirkan bagi maksud-maksud pelajaran, sains, sukan, kebudayaan atau kebajikan sosial;
- (i) menaja, membantu dan mengadakan bantuan kewangan kepada individu-individu, pertubuhan-pertubuhan dan institusi-institusi untuk menjalankan kajian saintifik, sukan, sosial dan ekonomi;

- (j) memaju dan menggalakkan perkembangan seni dan kebudayaan Negeri;
- (k) memberi bantuan atau membuat peruntukan bagi meringankan bebanan apakala difikirkan perlu kepada orang-orang yang mengalami keadaan-keadaan yang difikirkan patut menerima bantuan atau peruntukan-peruntukan seperti itu.
- (l) memaju, menggalakkan perkembangan aktiviti industri, kewangan dan perdagangan orang-orang Melayu dan lain-lain orang berasal di Negeri ini dan yang menjadi rakyat Negeri ini atau yang biasa menetap dalam Negeri;
- (m) membantu Negeri dengan cara mana Yayasan memikirkan patut bagi maksud perkembangan sosial dan ekonomi.

Kumpulan Wang Yayasan

4. (1) Bagi menjalankan maksud-maksud Enakmen ini, maka hendaklah ditubuhkan satu Kumpulan Wang yang dinamakan “Kumpulan Wang Yayasan Perlis”.

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah mengandungi—

- (a) jumlah-jumlah wang sebagaimana yang disumbangkan dari masa ke semasa oleh Kerajaan;
- (b) semua wang yang didermakan, disumbangkan, dipinjamkan, diberikan sebagai bayaran tahunan atau mengikut wasiat atau dengan apa cara yang lain yang dibayar ke dalam Kumpulan Wang itu oleh mana-mana Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Pihak-pihak Berkuasa dan pertubuhan-pertubuhan atau orang-orang perseorangan;
- (c) semua wang yang diterima oleh Yayasan dengan jalan keuntungan, pembahagian untung, bayaran, komisen atau dengan jalan faedah hasil dari pelaburan atau sebaliknya dari wang-wang Kumpulan Wang atau sebahagian darinya;

- (d) semua wang yang berupa award hasil daripada dari sebarang penghakiman;
- (e) semua wang yang diterima oleh Yayasan dengan jalan keuntungan atau sebaliknya datangnya daripada usaha-usaha perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh Yayasan;
- (f) semua hasil dari harta benda kepunyaan Yayasan.

Keahlian Yayasan

5. (1) Yayasan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut—

- (a) seorang Pengerusi, iaitu orang yang pada masa ini menyandang jawatan Menteri Besar;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Kerajaan;
- (c) tiga orang ahli-ahli atas jawatan yang pada masa ini memegang jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri; dan
- (d) tidak lebih daripada lima belas ahli-ahli lain yang dilantik oleh Kerajaan.

(2) Tempoh pelantikan ahli-ahli yang dilantik di bawah perenggan (b) atau (d) subseksyen (1) hendaklah, melainkan jika pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu atau dia meletakkan jawatannya terlebih dahulu, memegang jawatan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Ahli-ahli Yayasan boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan.

(4) Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama adalah terpakai bagi ahli-ahli Yayasan.

Meteri Yayasan

6. (1) Yayasan hendaklah menjadi sebuah perbadanan yang kekal dan mempunyai cap meterinya serta boleh dari masa ke semasa memecahkan, mengubah, menukar dan membuat baharu cap meteri itu sekiranya difikirkan patut oleh Yayasan.

(2) Cap meteri Yayasan tidaklah boleh digunakan kecuali dengan kebenaran Yayasan dan tiap-tiap dokumen yang memerlukan meteri Yayasan itu hendaklah dimeterikan dengan meteri tersebut di hadapan mana-mana dua orang ahli Yayasan dengan tiap-tiap seorangnya hendaklah menandatangani dokumen itu dan memadailah ianya menjadi keterangan bahawa cap meteri telah dilekatkan dengan sempurna dengan kuasa Yayasan.

(3) Meteri Yayasan hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Kepentingan ahli-ahli

7. (1) Kecuali bagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, jika mana-mana ahli Yayasan—

- (a) ada apa-apa kepentingan wang, dengan secara langsung ataupun tidak, dalam mana-mana kontrak untuk dicadangkan atau lain-lain perkara; atau
- (b) sebagai seorang saudara kepada mana-mana orang yang dicadangkan patut diberi bantuan, biasiswa atau lain-lain pendahuluan wang atau pelajaran,

dan ia hadir dalam mesyuarat Yayasan atau suatu jawatankuasa kecil di mana perkara itu diperbincangkan, ia hendaklah dengan seberapa segera selepas sahaja mesyuarat itu bermula memberi maklum akan adanya kepentingannya itu atau tali persaudaraannya, dan apabila sahaja perkara itu diperbincangkan, maka ahli itu hendaklah mengundur diri daripada mesyuarat itu dan hendaklah tidak mengambil bahagian lagi dalam perjalanannya.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini—

(a) Pengurus Besar hendaklah disifatkan menjadi seorang ahli Yayasan;

(b) Seorang tidak boleh disifatkan sebagai ada mempunyai kepentingan wang dalam mana-mana perkara semata-mata kerana—

(i) ianya menjadi ahli atau bekerja dalam mana-mana badan awam; atau

(ii) ianya menjadi ahli sebuah syarikat atau lain-lain badan jika ia tidak ada mempunyai kepentingan benefisial dalam mana-mana saham syarikat atau badan itu;

(c) berkenaan dengan orang-orang yang sudah berkahwin, kepentingan bagi seorang daripadanya hendaklah disifatkan juga sebagai kepentingan pasangannya.

(3) Mana-mana orang yang menyalahi atau yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan dalam subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum dengan denda tidak lebih daripada RM1,000.00 atau dengan denda penjara selama tidak lebih daripada enam bulan; dengan syarat bahawa pendakwaan ke atas kesalahan di bawah seksyen ini tidak boleh dimulakan dengan tidak ada keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya.

Kuasa-kuasa Yayasan

8. (1) Selain daripada kuasa-kuasa yang lain yang diberikan oleh Enakmen ini, Yayasan adalah juga berkuasa—

(a) mendapat, mengambil, memegang dan menikmati sama ada sebagai tuan punya atau dengan secara cagaran, menyewa, menjual, memindahak, memindamilik, menyerahak, memindahak semula, menyerahak semula, menyerah atau dengan secara lain mengurus atau melepaskan berbagai rupa harta alih atau takalih;

- (b) membuat atau mengubahsuaikan mana-mana kontrak atau perjanjian yang perlu dan wajar untuk melaksanakan tujuan-tujuan Yayasan;
- (c) tertakluk kepada mana-mana peruntukan undang-undang bertulis berkaitan dengan kutipan wang dari orang-orang awam, dari masa ke semasa mendapatkan pemberian atau kutipan dari orang-orang awam untuk Kumpulan Wang;
- (d) menjalankan semua kegiatan khususnya memajukan usaha perniagaan dan perindustrian, jika menjalankannya itu adalah mencukupi, berfaedah atau menyenangkan untuk atau berhubung dengan melaksanakan tujuan-tujuan Yayasan, termasuk membuat, memasang, memproses, membungkus, menentukan mutu dan memasarkan barang pengeluaran, penyelidikan, dan latihan;
- (e) membeli atau memperolehi sebarang saham dalam mana-mana syarikat awam atau bersendirian yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan menjualkannya dengan syarat yang ditentukan oleh Yayasan;
- (f) menajakan kegiatan-kegiatan seperti itu oleh badan-badan atau orang-orang dan untuk maksud itu menubuhkan atau meluaskan atau menaja penubuhan atau memperluaskan badan-badan lain-lain untuk menjalankan kegiatan-kegiatan itu sama ada di bawah kawalan Yayasan atau bersendirian, dan memberi bantuan kepada badan-badan itu atau kepada badan-badan atau orang-orang lain yang difikirkan oleh Yayasan sebagai ada mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan itu termasuk bantuan kewangan dengan cara mendapatkan saham-saham atau pinjaman modal atau dengan cara pinjaman atau sebaliknya;
- (g) menjalankan perniagaan pengangkutan, melalui udara, laut, sungai terusan, keretapi, jalan raya atau dengan cara-cara lain;

- (h) pada amnya melakukan segala perbuatan itu sebagaimana yang boleh diperlakukan di bawah undang-undang sebagai sebuah perbadanan dan yang mana adalah perlu dan wajar bagi melaksanakan tujuan-tujuan Yayasan;
- (i) menjadi ejen atau menggunakan dan menggaji ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknikal termasuk peguamcara dan peguambela, bank-bank, akauntan-akauntan, broker-broker stok, juru-juru ukur atau penilai-penilai atau orang-orang lain, bagi menguruskan sebarang pekerjaan atau membuat apa-apa yang dikehendaki untuk diuruskan atau dilakukan dalam melaksanakan tugas-tugasnya atau bagi memperbaiki lagi natijah maksud-maksud Enakmen ini;
- (j) menubuhkan dari masa ke semasa sebagai perbadanan dengan nama yang difikirkan sesuai oleh Yayasan bagi menjalankan dan menjaga, memimpin dan mengurus mana-mana projek, rancangan atau usaha yang telah dirancang atau dijalankan oleh Yayasan dalam melaksanakan tugas-tugasnya atau menunaikan kerja-kerjanya menurut tujuan-tujuan Yayasan;
- (k) memberi pinjaman, dan pinjaman-pinjaman itu boleh diberi dengan terma-terma dan syarat-syarat atau sebagaimana difikirkan patut oleh Yayasan bagi maksud melaksanakan tujuan-tujuan Yayasan;
- (l) dengan kelulusan Kerajaan meminjam dari masa ke semasa tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang mana bagi sementara ini berkuat kuasa, sebanyak mana dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dibenarkan oleh Yayasan untuk menyelesaikan mana-mana tanggungjawabnya atau menunaikan sebarang tugas-tugas Yayasan;

- (m) dengan kelulusan Kerajaan, menjamin atau mengadakan cagaran sama ada dengan cara gadaian atau dengan cara lain bagi pembayaran balik sebarang pinjaman bagi faedah seseorang jika Yayasan memikirkannya perlu bagi memenuhi sebarang tanggungnya atau melaksanakan sebarang kewajipannya;
- (n) memasuki sebarang perniagaan (sama ada melibatkan atau tidak perbelanjaan, membuat pinjaman atau memberi pinjaman atau melaburkan wang mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini, memperolehi, mengguna dan melepaskan harta-harta termasuk kenderaan-kenderaan darat dan laut atau hak-hak) yang mana pada fikiran Yayasan akan menyenangkan, bagi melaksanakan dengan sempurnanya tugas-tugasnya atau apa-apa jua yang berkaitan dengannya;
- (o) amnya melaksanakan segala perbuatan yang mana difikirkan oleh Yayasan dikehendaki atau wajar diperbuat untuk mencapai tujuan-tujuan Yayasan.

(2) Yayasan boleh mewakilkan mana-mana kuasa dan tugasnya yang diberi atau dibebankan kepadanya oleh mana-mana peruntukan Enakmen ini kepada mana-mana jawatankuasa kecil dan Pengurus Besar adalah berhak menghadiri mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa kecil itu dan berucap, tetapi tidak boleh mengundi di atas apa-apa perkara yang dibincangkan;

Dengan syarat bahawa perwakilan itu hendaklah dijalankan oleh jawatankuasa kecil yang berkenaan tertakluk kepada arahan bertulis sama ada am atau khusus yang diberi dari masa ke semasa oleh Yayasan.

(3) Perwakilan kuasa oleh Yayasan kepada jawatankuasa kecil tidak termasuk kuasa untuk membuat peraturan-peraturan seperti yang disebut di bawah seksyen 17.

Pelantikan Pengurus Besar, kakitangan dan sebagainya

9. (1) Yayasan hendaklah melantik seorang yang layak untuk menjadi Pengurus Besar Yayasan, dan boleh dari masa ke semasa melantik pegawai-pegawai yang lain, dan kakitangan sebagaimana yang perlu untuk menjalankan urusan-urusan Yayasan.

(2) Mana-mana pelantikan yang diwujudkan di bawah peruntukan subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana difikirkan patut oleh Yayasan.

(3) Pengurus Besar hendaklah menjadi Pegawai Eksekutif Yayasan dan hendaklah menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan tugas-tugas dan kerja-kerjanya tulis dari masa ke semasa, dan semua orang lain yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah, tertakluk kepada mana-mana arahan Yayasan sama ada am atau khususnya, menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan tugas-tugas dan kerja-kerja yang diberikan kepada mereka oleh Pengurus Besar.

(4) Pengurus Besar adalah berhak menghadiri semua mesyuarat Yayasan dan berucap tetapi tidak boleh mengundi ke atas apa-apa perkara dalam perbincangan.

Penggunaan Kumpulan Wang

10. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan subseksyen (3), Yayasan hendaklah menggunakan modal dan pendapatan Kumpulan Wang bila-bila masa didapatinya untuk menjalankan tujuan-tujuan yang menyebabkan Yayasan itu ditubuhkan.

(2) Apabila wang-wang digunakan untuk memberi biasiswa-biasiswa atau pinjaman-pinjaman bagi pengajian tinggi atau membuat peruntukan bantuan lain sama ada kewangan atau pelajaran, Yayasan boleh membuat pemberian atau peruntukan itu dengan terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan patut dan mana-mana pemberian biasiswa atau pinjaman itu hendaklah dipanggil sebagai Biasiswa Yayasan Perlis atau Pinjaman Yayasan Perlis.

(3) Semua perbelanjaan yang dilakukan oleh Yayasan bagi mengawal dan menguruskan Yayasan dan Kumpulan Wang hendaklah dikeluarkan daripada Kumpulan Wang itu dan hendaklah menjadi tuntutan yang pertama ke atas aset-aset Yayasan itu.

Pelaburan Kumpulan Wang

11. (1) Yayasan boleh melabur dan menggunakan wang dari Kumpulan Wang Yayasan yang tidak dikehendaki serta-merta dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yayasan dari masa ke semasa.

(2) Semua pelaburan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah didaftarkan di atas nama Yayasan.

Tanggungan ahli-ahli

12. (1) Tiada seorang ahli Yayasan akan menanggung apa-apa kerugian yang timbul daripada atau bergantung daripada mana-mana pelaburan yang telah dibuat melainkan kerugian itu disebabkan oleh kecuaiannya, penipuannya, atau ketidakjujurannya dan tidak seorang ahli Yayasan akan dikenakan sebarang tindakan mahkamah secara peribadi atau perjalanan Mahkamah berhubung dengan sebarang tindakan yang dilaku atau perkara yang dibuat atau yang tertinggal dengan niat yang baik dan dalam menjalankan dengan sempurnanya mana-mana kuasa Yayasan atau ahli-ahlinya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “ahli Yayasan” hendaklah termasuk pegawai dan kakitangan Yayasan.

Tahun kewangan dan akaun-akaun yang beraudit

13. (1) Yayasan hendaklah mempunyai suatu tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember.

(2) Yayasan hendaklah menyimpan akaun-akaunnya dan rekod-rekod yang lain dengan sempurna berhubung dengan kegiatan-kegiatannya dan hendaklah menyediakan satu Penyata Akaun bagi tiap-tiap tahun kewangan.

(3) Akaun Yayasan hendaklah di audit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau oleh audit-audit lain yang dilantik oleh Yayasan dengan kelulusan oleh Kerajaan.

(4) Tidak lewat daripada 31 Julai selepas akhirnya suatu tahun kewangan, Yayasan hendaklah memajukan kepada Kerajaan, satu akaun yang beraudit atas hasil-hasil dan perbelanjaan-perbelanjaan Yayasan bagi tahun yang lalu bersama dengan satu penyata atas harta-harta dan liabilitinya bagi dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri.

Kegiatan-kegiatan Islam dalam Yayasan

14. (1) Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 adalah menjadi sah bagi Yayasan menubuhkan satu bahagian bagi mengendalikan perkara-perkara berkaitan dengan ajaran dan dakwah Agama Islam sebagai Agama Persekutuan, atau lain-lain perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya.

(2) Perjalanan kuasa-kuasa itu oleh Yayasan hendaklah sebagai tambahan kepada dan bukannya sebagai menghadkan kuasa-kuasa yang diberikan kepada mana-mana jabatan, badan atau orang oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006.

Kanun Kesenaksaan

15. Semua ahli, pegawai, dan kakitangan Yayasan hendaklah disifatkan sebagai penjawat-penjawat awam dalam erti Kanun Kesenaksaan [*Akta 574*].

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam

16. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah dipakai bagi apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Yayasan atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, kakitangan atau ejen Yayasan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifatnya yang demikian.

Kuasa membuat peraturan-peraturan

17. Yayasan boleh dengan kelulusan Kerajaan membuat peraturan-peraturan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini bagi atau berkenaan dengan:

- (a) aturcaranya;
- (b) menentukan cara mana dokumen-dokumen cek-cek dan suratcara-suratcara, apa sahaja jenisnya hendak ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Yayasan;
- (c) menentukan tanggungjawab-tanggungjawab dan kawalan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Yayasan;
- (d) menentukan keadaan-keadaan bagaimana pegawai-pegawai dan kakitangan Yayasan boleh menerima elaun-elaun perjalanan dan harian dan menetapkan kadar-kadarnya itu;
- (e) menentukan penubuhan dan pengurusan akan tarikh ianya bermula seperti disebutkan dalam peraturan-peraturan, akan sumbangan terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan bagi pemindahan-pemindahan ke dalam Kumpulan Wang akan sumbangan-sumbangan yang telah dimansuhkan ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang lain dalam jangkaan tertubuhnya Kumpulan Wang yang tersebut pada awalnya.
- (f) mengadakan kontrak-kontrak dan cara mana atau oleh siapa kontrak-kontrak itu boleh diperbuat bagi pihaknya;
- (g) mengenakan bayaran-bayaran dalam kes-kes sebagaimana yang ditentukan oleh Yayasan; dan
- (h) amnya menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas di bawah peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 5)

Orang-orang yang hilang kelayakan dari dilantik menjadi ahli Yayasan.

1. Orang-orang yang berikut adalah hilang kelayakan dari dilantik atau menjadi ahli Yayasan;

- (a) seorang yang tidak sempurna akal atau kerana apa-apa sebab lain, tidak berupaya menjalankan kewajipannya; atau
- (b) seorang bankrap; atau
- (c) seorang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan dan dihukum penjara untuk satu tempoh selama setahun atau lebih, atau denda melebihi dua ribu ringgit, atau kedua-duanya.

Korum dan pegawai menguruskan mesyuarat

2. (1) Pengerusi atau Timbalan Pengerusi yang menguruskan mesyuarat pada masa ketiadaan Pengerusi, dan satu per dua daripada bilangan ahli semasa hendaklah menjadi korum sesuatu mesyuarat Yayasan.

(2) Pada masa ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah menguruskan mesyuarat dan ia boleh menjalankan semua kuasa Pengerusi berkenaan dengan mesyuarat itu.

Pengerusi Berhak Memberi Undi Pemutus.

3. Jika mengenai sesuatu soal yang hendak diputuskan oleh Yayasan bilangan undi didapati sama banyaknya, Pengerusi adalah berhak memberi undi pemutus selain daripada undi biasanya.

Yayasan boleh menentukan prosedurnya.

4. Tertakluk kepada Enakmen ini, Yayasan hendaklah menentukan kaedah-kaedah dan prosedur mesyuaratnya sendiri.

Yayasan boleh melantik jawatankuasa.


5. (1) Yayasan boleh melantik apa-apa jawatankuasa daripada ahli-ahlinya dengan atau tanpa orang lain seperti yang ditentukannya.

(2) Mana-mana jawatankuasa yang dilantik sedemikian hendaklah mematuhi arahan-arahan yang boleh diberikannya dari masa ke semasa oleh Yayasan dan Yayasan boleh pada bila-bila masa memberhentikan dan mengubah penubuhan jawatankuasa itu.

(3) Tertakluk kepada arahan Yayasan, korum dan prosedur sesuatu jawatankuasa hendaklah ditentukan oleh jawatankuasa itu.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 29 Julai 2010.
[SUK.Ps. 05/367]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 16

PERLIS FOUNDATION ENACTMENT 2010

Date of Royal Assent	...	...	...	6 December 2010
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	...	23 December 2010

Publisher's Copyright ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 16

PERLIS FOUNDATION ENACTMENT 2010

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja of Perlis

6 December 2010
29 Zulhijah 1431

An Enactment for the establishment of a Foundation for upgrading the level of socio-economy, welfare, education, sports, culture and other facilities in the State of Perlis, to establish a Fund and the appointment of members of the Foundation for the carrying out of the purposes of the Foundation and for all matters connected therewith.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Perlis Foundation Enactment 2010.

(2) This Enactment shall come into force on such date as the State Government may, by notification in the *Gazette*, appoint.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“Chairman” means the Chairman of the Foundation;

“General Manager” means the General Manager appointed under section 9;

“Foundation” means the Perlis Foundation;

“Fund” means the Perlis Foundation Fund established under section 4;

“State” means the State of Perlis.

Establishment and objects of the Foundation

3. (1) A body corporate by the name of “Perlis Foundation” is established with perpetual succession and a common seal.

(2) The Foundation may sue and be sued in its corporate name.

(3) The objects for which the Foundation is established are—

(a) to assist the Government in its efforts to upgrade the level of socio-economy and welfare of certain groups of nationals in the State;

(b) to promote actively improvement of opportunity for education among all the nationals of the State and Malaysian citizens habitually residing in the State;

(c) to grant or arrange for awards, scholarships or loans or other financial or education assistance for the nationals of the State or any Malaysian citizen habitually residing in the State;

- (d) to widen the scope in educational facilities and opportunities for the nationals of the State and Malaysian citizens habitually residing in the State in any institution of higher learning throughout the world, but especially in the institutions of higher learning established in Malaysia;
- (e) to promote and encourage the provision in the State of facilities for higher learning by the State Government or the Federal Government or by any institution of higher learning established in Malaysia;
- (f) to grant and arrange by other bodies for the award of scholarships and loans or other financial or educational aids for higher learning for the nationals of the State or any Malaysian citizen habitually residing in the State;
- (g) to provide, improve and secure certain facilities for the nationals of the State in any institution of higher learning recognized by the State Government and Malaysia;
- (h) to give aid or assistance to organisations and institutions which are established and administered for the purposes of Islamic religion, education, science, culture or social welfare;
- (i) to promote, assist and provide financial assistance to individual, organisations and institutions to undertake Islamic, scientific, social and economic research;
- (j) to promote and encourage the growth of arts and culture of the State;
- (k) to give aid or provide relief wherever considered necessary to persons whose circumstances are considered to be deserving of such aid or relief;
- (l) to promote and encourage the development of industrial, financial and commercial activities of the Malays and other indigenous people who are nationals of the State or who habitually reside in the State.
- (m) to assist the State in any manner the Foundation thinks fit for the purpose of social and economic development.

The Foundation Fund

4. (1) In order to carry out the purposes of this Enactment, there shall be established a Fund to be called the “Perlis Foundation Fund”.

(2) The Fund shall consist of—

- (a) such sums as the Government may from time to time contribute;
- (b) all monies donated, contributed, loaned, given as annuity or by will or in any other manner paid into the Fund by any Government, Statutory Body, Authority, body corporate or individual person;
- (c) all monies received by the Foundation by way of profit, dividend, fee, commission or by way of interests as a result of investment or otherwise of monies of the Fund or such portion of them;
- (d) all monies in the form of award as a result of any judgment;
- (e) all monies received by the Foundation by way of profit or otherwise occurred from any commercial or industrial enterprises carried out by the Foundation;
- (f) all revenues from any property owned by the Foundation.

Members of the Foundation

5. (1) The Foundation shall consist of the following members—

- (a) a Chairman who shall be the person for the time being holding the office of Chief Minister;
- (b) a Deputy Chairman who shall be appointed by the State Authority;

- (c) three ex-officio members who shall be the persons for the time being holding the offices of the State Secretary, the State Legal Adviser and the State Financial Officer; and
- (d) not more than fifteen other members to be appointed by the State Authority.

(2) The terms of appointment of the members appointed under paragraph (b) or (d) of subsection (1) shall, unless his appointment is sooner revoked or he sooner resigns, hold office for such period not exceeding three years as the Government may determine and he shall be eligible for reappointment.

(3) The members of the Foundation may be paid such remuneration or allowances as the Government may determine.

(4) The provisions of the First Schedule shall apply to the members of the Foundation.

Seal of the Foundation

6. (1) The Foundation shall be a body corporate with perpetual succession and shall have a common seal and may from time to time break, alter, change and make anew such seal if the Foundation deems fit.

(2) The common seal of the Foundation shall not be used except by the authority of the Foundation and every document requiring the seal of the Foundation shall be sealed with such seal in the presence of any two members of the Foundation each of whom shall sign such document and such signing shall be sufficient evidence that the common seal was duly affixed by authority of the Foundation.

(3) The seal of the Foundation shall be officially and judicially noticed.

Interest of members

7. (1) Save as hereinafter provided, if any member of the Foundation—

- (a) has any pecuniary interest, direct or indirect, in any proposed contract or other matter; or
- (b) Is a relative of any person to whom it is proposed that any, aid, scholarship or other financial or educational advance should be granted,

and is present at a meeting of the Foundation or a sub-committee at which such matter is the subject of consideration, he shall at such meeting as soon as practicable after commencement thereof disclose the fact of his interest or relationship, and when such matter comes up for consideration, such member shall withdraw from the meeting and shall take no further part in the proceeding.

(2) For the purposes of this section—

- (a) the General Manager shall be deemed to be a member of the Foundation;
- (b) a person shall not be deemed to have a pecuniary interest in any matter by reason only—
 - (i) of membership of or employment under any public body; or
 - (ii) of membership of a company or other body if he has no beneficial interest in any shares of such company or body;
- (c) in the case of married persons, the interest of one spouse shall be deemed also to be an interest of the other spouse.

(3) Any person who contravenes or fails to comply with the provisions of subsection (1) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding RM1,000.00 or to imprisonment for a term not exceeding six month; provided that prosecution for an offence under this section shall not be instituted without the consent in writing of the Public Prosecutor.

Power of the Foundation

8. (1) The Foundation shall, in addition to any other powers conferred by this Enactment, have power—

- (a) to acquire, take, hold and enjoy, whether as owner or by way of security, rent, sell, convey, transfer, assign, re-convey, reassign, surrender, or dispose of movable and immovable property of every description;
- (b) to enter into modify any contracts or agreements which may be necessary and expedient for carrying out the objects of the Foundation;
- (c) subject to provision of any written law relating to public collections, from time to time to raise public subscription or make public collection for the Fund;
- (d) to carry on all activities, in particular the development of commercial and industrial enterprises, the carrying on whereof appears to it to be requisite, advantageous or convenient for or in connection with the carrying out of the objects of the Foundation, including the manufacturing, assembling, processing, packing, grading and marketing of products, research and training;
- (e) to purchase or acquire any stock and share in any public or private company established under any written law and to dispose of the same on such terms and conditions as the Foundation may determine;

- (f) to promote the carrying on of any such activities by bodies or persons and for that purpose to establishment or expansion of other bodies to carry on such activities either under the control of the Foundation or independently and to give assistance to such bodies or to other bodies or persons appearing to the Foundation to have facilities for the carrying on any such activities, including financial assistance by taking up share or loan capital or by loan or otherwise;
- (g) to carry on the business of carriers by air, sea, river, canal, railway, road or by other means;
- (h) generally to do all such things as a body corporate may by law perform and which are necessary and expedient for carrying out the objects of the Foundation;
- (i) to become agent or to employ and pay agents and the technical advisers including advocates and solicitors, bankers, accountants, stock brokers, surveyors or valuers or other persons, to transact any business or to do any act required to be transacted or done in the execution of its duties or for the better carrying into effect the purposes of this Enactment;
- (j) to establish from time to time a corporation by such name as the Foundation may think fit to carry out and have the charge, conduct and management of any project, scheme or enterprise which has been planned or undertaken by the Foundation in execution of its duty or discharge of its functions in pursuit of the objects of the Foundation;
- (k) to grant loans on such terms and conditions as the Foundation may deem fit to impose for the purpose of carrying out the objects of the Foundation;
- (l) with the approval of the Government, to borrow from time to time subject to any written law for the time being in force, such sums upon such terms and conditions as the Foundation may approve for meeting any of the obligations or discharging any of the duties of the Foundation;

- (m) with the approval of the Government, to guarantee or to provide security whether by way of charge or otherwise for the repayment of any loan for the benefit of any persons if the Foundation deems it necessary in order to meet any or its obligations or discharge any of its duties;
- (n) to enter into any transaction (whether or not involving expenditure, borrowing, granting of loans or investment of money in accordance with the provisions of this Enactment in that behalf, the acquisition, use and disposal of property, including vehicles and vessels or rights) which in the opinion of the Foundation is calculated to facilitated the proper discharge of its duty or is incidental thereto;
- (o) generally to do all acts which the Foundation considers desirable or expedient to achieve the objects of the Foundation.

(2) The Foundation may delegate any of the powers and duties conferred or imposed upon it by any of the provisions of this Enactment to any sub-committee and the General Manager shall be entitled to attend the meetings of any such sub-committee and to speak, but not to vote on any matter under discussion;

Provided that any such delegation shall be exercised by the sub-committee concerned subject to any general or special direction in writing which may from time to time be given by the Foundation.

(3) The delegation of powers to any sub-committee by the Foundation shall not include the power to make rules under section 17.

Appointment of General Manager, staff, etc.

9. (1) The Foundation shall appoint a suitable person to be the General Manager of the Foundation, and may appoint such other officers and servants as may be necessary for conducting the business of the Foundation.

(2) Any appointment made under the provisions of subsection (1) shall be subject to such terms and conditions as the Foundation may deem fit.

(3) The General Manager shall be the executive officer of the Foundation and shall exercise such powers and perform such duties and functions as the Foundation shall from time to time direct and all other persons appointed under this section shall subject to any general or special directions of the Foundation, exercise the powers and functions and perform the duties assigned to them by the General manager.

(4) The General Manager shall be entitled to attend the meetings of the Foundation and to speak, but not to vote on any matter under discussion.

Application of Foundation Fund

10. (1) Subject to the provisions of subsection (3), the Foundation shall at any time apply the capital and income of the Fund derived for the carrying out of the objects for which the Foundation is established.

(2) Where any monies are applied to be grant of scholarships or loans for higher learning or the provision of other financial or education aid, the Foundation may make such grant or provision upon such terms and conditions as it may think fit and any such grant of scholarships or loans shall be known as the Perlis Foundation Scholarship or the Perlis Foundation Loan.

(3) All expenses incurred by the Foundation in the control and management of the Foundation or the Fund shall be defrayed out of the Fund and shall be a first charge on the assets thereof.

Investment of the Fund

11. (1) The Foundation may invest and deal with the Fund not immediately required in such manner as may from time to time be determined by the Foundation.

(2) All investments made under this section shall be registered in the name of the Foundation.

Liability of members

12. (1) No members of the Foundation shall be liable for any loss arising from or contingent upon any investment made unless such loss has been occasioned by his negligence, fraud or dishonesty; and no member of the Foundation and no members of the Foundation shall be personally liable to any action or proceeding for or in respect of any act or thing done or omitted to be done in good faith and in the proper exercise of any of the powers of the Foundation or its members.

(2) For the purpose of this section, “members of the Foundation” shall include officers and servants of the Foundation.

Financial year and audited accounts

13. (1) The Foundation shall have a financial year ending on 31 December.

(2) The Foundation shall keep proper accounts and other records in respect of its activities and shall prepare a statement of account in respect of each financial year.

(3) The accounts of the Foundation shall be audited annually by the Auditor General or by other auditors to be appointed by the Foundation with the approval of the Government.

(4) Not later than 31 July after the end of each financial year, the Foundation shall submit to the Government an audited account of the revenues and expenditure of the Foundation for the previous year together with a statement of assets and liabilities thereof to be laid before the State Legislative Assembly.

Islamic activities within the Foundation

14. (1) Without prejudice to the provisions of the Administration of Islamic Law Enactment, 2006 it shall be lawful for the Foundation to establish a section in order to deal with matters affecting the teaching and the propagation of Islam as the religion of the Federation, or other matters connected therewith or incidental thereto.

(2) The exercise of such powers by the Foundation shall be in addition to and not in derogation of the powers conferred on any department, body or person by the Administration of Islamic Law Enactment 2006.

Penal Code

15. All members, officers and servants of the Foundation shall be deemed to be public servants within the meaning of the Penal Code [*Act 574*].

Public Authorities Protection Act 1948

16. The Public Authorities Protection Act 1948 [*Act 198*] shall apply to any action, suit, prosecution or proceedings against the Foundation or against any member, officer, servant or agent of the Foundation in respect of any act, neglect or default done or committed by him in such capacity.

Power to make regulations

17. The Foundation may with the approval of the Government make regulations not in consistent with the provisions of this Enactment for or with respect to—

- (a) its procedure;
- (b) prescribing the manner in which documents, cheques and instruments of any description shall be signed or executed on behalf of the Foundation;
- (c) prescribing for the responsibilities and control of officers and servants of the Foundation;
- (d) prescribing the circumstances in which the officers and servants of the Foundation may receive travelling and subsistence allowances and fixing the rates of such allowances;

- (e) prescribing for the establishment and management as from such date specified in the regulations of contributing Employees Provident Fund and for the transfer into that Fund of contributions paid into any other Employees Provident Fund in anticipation of the establishment of the first mentioned Fund;
- (f) the placing of contracts and the manner in which or the person by whom such contracts may be entered on its behalf;
- (g) imposing fees in such cases as may be determined by the Foundation; and
- (h) generally for the exercise of the powers and duties under the provisions of this Enactment.

FIRST SCHEDULE

(Section 5)

Person disqualified from being appointed members of the Foundation.

1. The following persons shall be disqualified from being appointed or being members of the Foundation:

- (a) a person who is of unsound mind or is otherwise incapable of performing his duties; or
- (b) a bankrupt; or
- (c) a person who has been convicted of an offence and sentenced to imprisonment for a term of one year or more, or to a fine of more than two thousand ringgit, or to both.

Quorum and presiding officer.

2. (1) The Chairman or the Deputy Chairman presiding in the absence of the Chairman, and one half of the current members shall form a quorum at a meeting of the Foundation.

(2) In the absence of the Chairman, the Deputy Chairman shall preside at a meeting and he may exercise all powers of the Chairman in respect of that meeting.

Chairman to have a casting vote.

3. If on any question to be determined there is an equality of votes, the Chairman shall have the casting vote in addition to his ordinary vote.

Foundation to determine the its procedure.

4. Subject to this Enactment, the Foundation shall determine its own rules and procedures of meeting.

Foundation may appoint committees.

5. (1) The Foundation may appoint such committees of its members with or without other persons as it may determine.

(2) Any committee so appointed shall conform to instructions that may from time to time be given to it by the Foundation and the Foundation may at any time discontinue or alter the constitution of such committee.

(3) Subject to the directions of the Foundation, the quorum and procedure of a committee shall be determined by the committee.

Passed in the State Legislative Assembly this 29 July 2010.

[SUK.Ps. 05/367]

NORAZLAN BIN YAHAYA
Secretary of the State Legislative Assembly
Perlis

